

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/327982826>

KONFLIK KAUM SELEPAS PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU: KAJIAN AWAL BERASASKAN SUMBER LISAN

Article · December 2017

DOI: 10.22452/PERADABAN.vol11no1.2

CITATIONS

0

READS

5,083

1 author:



Mohamed ALI Haniffa

Universiti Utara Malaysia

21 PUBLICATIONS 10 CITATIONS

[SEE PROFILE](#)

Some of the authors of this publication are also working on these related projects:

Project

SURVIVAL ORANG MELAYU DI TANAH MELAYU [View project](#)

Project

Projek Pelestarian Budaya dan Warisan di Negeri Pahang [View project](#)

KONFLIK KAUM SELEPAS PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU: KAJIAN AWAL BERASASKAN SUMBER LISAN

Mohamed Ali bin Haniffa

Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
College of Arts and Sciences (CAS), Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.

Abstrak

Makalah ini menghuraikan mengenai konflik perkauman yang berlaku selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Polisi pecah dan perintah British telah membawa kepada pembentukan masyarakat majmuk yang ketiadaan peluang berinteraksi di Tanah Melayu. Peminggiran mengikut zon kemakmuran ekonomi telah membawa kepada ketidakseimbangan ekonomi dan pengagihan kekayaan di antara etnik. Pengunduran tentera Jepun memberikan ruang kepada komunis untuk melakukan kezaliman khususnya ketika proses melegitimasi kuasa mereka. Polarisasi perkauman yang dimulakan oleh tentera Jepun membawa kepada tercetusnya konflik perkauman yang melibatkan orang Melayu dan Cina. Orang Melayu yang dizalimi oleh komunis mula bergantung kepada golongan agamawan dan pemimpin tempatan bagi mempertahankan kelangsungan hidup mereka. Golongan ulama mula memanasifasikan jihad dan *sabilillah* sebagai tindakan terakhir dalam usaha mempertahankan kelangsungan hidup mereka. Kajian ini menggunakan kaedah sumber lisan dalam memberikan gambaran awal terhadap punca tercetusnya konflik perkauman di Tanah Melayu. Di samping itu, kaedah penyelidikan kepustakaan serta penelitian ke atas dokumen arkib turut dilakukan. Hasil kajian mendapati bahawa percaturan kuasa British dan Jepun menyebabkan ketidakstabilan politik, ekonomi dan sosial di Tanah Melayu sekaligus menjadi faktor penyumbang kepada konflik perkauman. Kajian ini turut membuktikan bahawa kolaborasi di

*Penulis untuk dihubungi:

m.ali@uum.edu.my

ISSN 1985-6296 ©Pusat Dialog Peradaban

kalangan pemimpin-pemimpin tempatan turut menyumbang kepada tercetusnya semangat nasionalisme awal yang lebih bersifat ke arah pembebasan tanahair.

Kata kunci: Masyarakat majmuk, pecah dan perintah, komunis, *sabilillah*, sumber lisan

Abstract

This article elaborates on the racial conflict that occurred after the Japanese occupation in Malaya. The divide and rule policy that was introduced by the British colony formed the plural society in Malaya with no opportunity for interaction. Marginalization zone by economic prosperity led to economic imbalances and distribution of wealth among the ethnic groups. The withdrawal of Japanese troops had opened a space to the communist's cruelty, especially in the process of legitimizing its power. They created the racial polarization which then led to the conflict between Malay and Chinese community. The Malays who were oppressed by the communist began to rely on scholars, religious leaders and local public figures and manifested jihad and sabilillah as the final step to defend their life. This study uses oral resources in providing an overview of the outbreak racial conflict in Malaya. Besides that, research was also done on the archived documents. The results showed that British and Japanese occupation had contributed instability of politic, economy and social that caused racial conflict. This study also proved that the collaboration between local figures had sparked nationalism, which was to free their motherland.

Keywords: *plural society, divide and rule, communist, sabilillah, oral resources*

Pendahuluan

Tanah Melayu (sekarang Semenanjung Malaysia) mempunyai masyarakat majmuk yang terbentuk oleh penduduk berbilang kaum dan dicetuskan oleh penjajah Briton (British). Perpaduan antara

kaum dan perkara berkaitan merupakan isu penting dalam sejarah Malaysia. Masalah perkauman di Tanah Melayu berpunca daripada pelbagai sebab termasuk dasar Briton (British), zaman pemerintahan Jepun dan prasangka yang sukar dibendung. Kedatangan Barat dan polisi pecah dan perintah telah meminggirkan orang Melayu dari arus pemodenan. Hal ini dirumitkan lagi dengan zaman pemerintahan Jepun yang telah meruncingkan hubungan dingin antara orang Melayu dan Cina. Pengeksploitasian dan penguasaan ekonomi, budaya kehidupan serta agama Islam yang mula diganggu-gugat oleh komunis telah menyebabkan orang Melayu bersatu.

Rasa prejudis ini diterjemahkan dalam bentuk konflik perkauman di antara Melayu-Cina berikutan pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu. Orang Melayu terpengaruh dengan propaganda komunis pada peringkat awal kerana dijanjikan peluang untuk mentadbir Tanah Melayu selepas perang. Orang Melayu yang telah dizalimi oleh komunis mula menaruh prasangka terhadap orang Cina. Hal ini menjadi bertambah rumit apabila majoriti orang Cina terpengaruh dengan komunis kerana dizalimi oleh tentera Jepun. Perang ideologi yang bermula pada peringkat awal telah berlarutan menjadi konflik perkauman di antara Melayu-Cina. Perbincangan dalam makalah ini memberi tumpuan kepada konflik kaum selepas pendudukan Jepun yang telah dicetuskan oleh komunis dalam usaha mengabsahkan kuasa mereka di Tanah Melayu.

Kesultanan Melayu Melaka telah menjadi suri teladan kepada keharmonian hubungan kaum di Malaysia. Melaka mula mengamalkan sikap liberal dan terbuka sejak pemerintahan Megat Iskandar Syah (Parameswara) (Wan Hussein, 2008:166 ; *Berita Harian*, 2010: 27). Pemerintah Melaka menggalakkan pedagang dan orang luar datang ke pelabuhan Melaka sehingga terbentuknya masyarakat majmuk di kota Melaka. Kemakmuran Melaka digambarkan oleh Tome Pires dengan menyatakan "... di pelabuhan Melaka biasanya terdapat lapan puluh empat bahasa digunakan, tiap-tiap satu berlainan ...” (Zainal Abidin, 2008:124) Kepentingan dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa terhadap politik orang Melayu boleh dilihat apabila Raja Ming menubuhkan Jabatan Bahasa Melaka (Bahasa Melayu) bagi meningkatkan hubungan ekonomi di antara Melaka dan China (Obaidellah, 2008:312).

Konflik Kaum Selepas Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu

Abdullah Munshi pula mencatatkan bahawa penduduk kota Melaka terdiri daripada pelbagai komposisi bangsa dan kaum. Beliau memberikan gambaran mengenai hubungan antara kaum di Melaka begitu kuat dan harmonis sehingga seorang kanak-kanak yang nakal dari satu bangsa boleh ditegur oleh bangsa lain. Ibu bapa kanak-kanak yang dipukul atau ditegur itu akan berterima kasih kepada mereka kerana mengambil berat perlakuan atau perangai anaknya (Zahari, 2008:15).

Pola ini telah berubah apabila berlaku proses imperialisme dan kolonialisme. Briton (British) telah menggalakkan penghijrahan masuk orang Cina dan India secara tidak tersekat. Tenaga mereka digunakan dalam sektor perlombongan bijih timah dan membuka tanah baru bagi mewujudkan ladang getah. Orang Cina telah menggunakan sepenuhnya peluang yang disediakan oleh Briton (British) dan menjadikan kedudukan ekonomi mereka pada awal abad ke-20 menjadi lebih kukuh. Komposisi kaum di Tanah Melayu berubah dengan agak mendadak sehingga 1941, di mana Cina menjadi penduduk majoriti. Ini telah menggugat "ketuanan Melayu" buat pertama kalinya dalam sejarah Tanah Melayu.

Jumlah penduduk di Tanah Melayu dapat ditunjukkan melalui jadual di bawah:

Pembahagian mengikut kaum	Jumlah penduduk (ribu)				Peratusan penduduk		
	1911	1921	1931	1941	1921	1931	1941
(a)Eropah	11.1	15.0	17.8	31.4	0.4	0.4	0.6

Eurasia	10.9	12.6	16.0	19.3	0.4	0.4	0.4
(b)Melayu	1,437 .7	1,651 .0	1,962 .0	2,278 .6	49.2	44.7	41.0
Cina	916.6	1,174 .8	1,709 .4	2,379 .2	35.0	39.0	43.0
India	267.2	471.7	624.0	744.2	14.0	14.2	14.0
Lain-lain	29.3	33.0	56.1	58.4	1.0	1.3	1.0
Jumlah	2,672 .8	3,358 .1	4,385 .3	5,511 .1	100. 0	100. 0	100. 0

(a) Termasuk semua bangsa Briton (British).

(b) Termasuk semua suku Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan Gugusan Kepulauan Melayu (Asia Tenggara).

Sumber: *Malayan Year Book*, 1939, hlm. 34.

Faktor Pencetus Pergaduhan Kaum

Sehingga kini, kajian mengenai hubungan kaum di Tanah Melayu sebelum dan selepas pendudukan Jepun adalah terlalu sedikit. Kebanyakan penulis seperti Cheah (1983) hanya membincangkan faktor yang menjadi punca kepada ketegangan hubungan kaum secara umum. Kajian sedia ada hanya berfokuskan kepada faktor kehidupan dan budaya yang membawa kepada berlakunya konflik perkauman di Tanah Melayu. Antaranya apabila agama menjadi faktor semerta kebangkitan orang Melayu mempertahankan kelangsungan hidup (Cheah, 1981:109). Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah menyebabkan berlakunya ketidakstabilan dan meletus konflik perkauman antara orang Melayu dengan Cina di Batu Pahat, Johor. Tindakan pertama yang dilakukan oleh tentera Jepun bagi mendapatkan sokongan rakyat Tanah Melayu ialah dengan mengadakan kunjungan dan bertemu dengan pemimpin di peringkat akar umbi. Tujuannya ialah bagi mengucapkan terima kasih dan mencanangkan kembali slogan "*Asia untuk orang Asia*". Kemenangan dan kesetiaan orang Jepun terhadap pemerintah telah

ditonjolkan kepada penduduk di Tanah Melayu. Bagi mendapatkan sokongan dan menjalankan kerja-kerja propaganda untuk menegakkan cita-cita "*Lingkungan Kemakmuran Asia Raya*" pendakwah Islam yang berbangsa Jepun juga telah dihantar ke kawasan Asia (Fajar Asia, 2603).

Kezaliman tentera Jepun terhadap etnik Cina diterjemahkan melalui operasi '*Sook Ching*'. Seramai 70,000 orang Cina di Singapura dibunuh kerana Jepun melabelkan kesemuanya sebagai komunis (CO 537/3757, 27-28). Orang Melayu juga tidak terkecuali dari menjadi mangsa kekejaman tentera Jepun. Sebagai buktinya ialah apabila seramai 13 orang penduduk di Mukim Segu, Raub, Pahang, disiksa kerana menolong askar Briton (British) yang diketuai oleh Tuan D. Headly ketika mereka melalui Mukim Segu dalam bulan Julai 1945 [229/1947 (1-2)]. Orang Melayu juga telah dipaksa oleh Jepun untuk menjadi tali barut dan hal ini telah disalah tafsir oleh masyarakat Cina (Wawancara dengan Karim bin Petah).

Dasar campur tangan Briton (British) di Negeri-negeri Melayu, Tanah Melayu, telah memberikan kuasa yang luas kepada Briton memanipulasi ekonomi Tanah Melayu. Polisi pecah dan perintah menyebabkan peminggiran kaum mengikut zon kemakmuran ekonomi. Pada tahun 1930-an, sudah wujud pertentangan dalam aspek kepentingan ekonomi, politik dan sosial. Perkara ini tidak disedari dan kurang diberikan perhatian oleh pemerintah mahupun pemimpin di peringkat akar umbi. Kesengsaraan hidup menyebabkan rakyat sudah mula menyalahkan sultan kerana beranggapan tidak menjalankan tugas dengan cekap sehingga mengakibatkan Tanah Melayu dijajah (*Seruan Ra'ayat*, 1945). Akhbar *Saudara* bertarikh 30 November 1932, mengkritik polisi Briton yang hanya memikirkan perbendaharaannya sahaja dan tidak mengambil berat mengenai kesusahan rakyat di Tanah Melayu (Siti Rodziah, 2009:107-108).

Rasa tidak puas hati terhadap dasar kolonial dan percaturan ekonomi yang tidak seimbang telah disuarakan oleh orang Melayu ketika berlaku kemelesetan ekonomi dunia di Tanah Melayu antara tahun 1929-32. Perniagaan orang Cina menjadi semakin makmur dan meningkat. Hal ini dilihat oleh orang Melayu sebagai suatu ancaman besar kepada situasi politik dan ekonomi mereka. Manakala golongan elit Melayu hanya mempunyai sedikit peluang

bagi memasuki *Malayan Civil Service* di bawah pemerintahan Briton (British). Briton (British) cuba untuk menunjukkan rasa prihatin bagi mempertahankan hak orang Melayu melalui pengenalan *Malay Reservation Enactment* pada tahun 1913 (Cheah, 1983:6). Walaupun sultan menganggotai *Advisory Council*, namun mereka tidak mempunyai kuasa dalam membuat keputusan. Kehilangan hak pemerintahan dan hak orang Melayu telah dikritik oleh Sultan Abdul Aziz dari Perak. Baginda dalam satu kenyataan menyatakan “*I have no status, no state and no subjects*” (CO 537/1548, 195-196).

Dilema kemiskinan orang Melayu ini telah disuarakan oleh Sir Cecil Clementi Smith. Beliau mempersoalkan mengenai kehilangan tanah, kuasa sultan dan bilangan imigran yang melebihi orang Melayu [(CO273/675/7(23)]. Kegawatan ekonomi dunia turut meninggalkan kesan kepada status pemilikan tanah. Briton (British) memberikan tanah yang berhampiran dengan bandar kepada orang bukan Melayu (CO 273/675/7, 23). Pada tahun 1930-an, *Temporary Occupation Licence* (TOL) telah dikeluarkan bagi mengambil hati orang Cina yang berminat dalam penanaman padi. T.S. Adam, Residen Selangor dalam tahun 1932-1937 mengeluarkan arahan supaya tanah TOL di Selangor hanya boleh digunakan untuk menanam sayur-sayuran. Mereka dilarang menanam tanaman jangka panjang seperti kopi, kelapa atau buah-buahan. Dasar Briton (British) ini menyebabkan orang Melayu menjadi peladang kecil di kawasan kampung. Sebagai buktinya, mereka hanya diberikan satu lot tanah untuk seorang atau satu keluarga. Akibatnya, orang Melayu hanya memiliki kebun getah dan kelapa yang luasnya tidak melebihi tiga ekar seorang. Orang Melayu hanya diberikan tanah yang dikategorikan sebagai Rizab Melayu. Tanah Rizab Melayu merupakan tanah yang telah ditolak oleh estet orang Briton (British) (Siti Rodziah, 1985:202).

Orang Melayu juga menjalankan kegiatan pertanian seperti menanam pinang dan getah. Manakala orang-orang Cina pula mengusahakan tanaman gambir dan lada hitam. Kegiatan pembalakan juga dilakukan di kawasan pedalaman dan hulu sungai. Senario kehilangan tanah pertanian kerana faktor kemiskinan telah dialami oleh orang Melayu di Mukim IV dan Mukim VII Batu Pahat (Wawancara dengan Tuan Haji Ali Badron bin Haji Sabor). Tanah

pertanian orang Melayu dibeli dengan harga yang murah oleh orang Cina. Ini menyebabkan segelintir orang Cina yang tidak memiliki tanah, akhirnya menjadi tuan tanah (Burridge, 1951:158).

Konflik perkauman selepas pendudukan Jepun juga berpunca daripada percanggahan dalam budaya kehidupan. Orang Melayu dan Cina hidup dalam keadaan harmoni sebelum zaman pendudukan Jepun. Situasi ini jauh berubah ketika dan selepas zaman perang apabila hubungan kedua-dua etnik ini menjadi renggang. Gambaran "kasar dan tidak beradab" telah menimbulkan batasan pergaulan antara orang Melayu dan Cina (Wawancara dengan Tuan Haji Daud bin Sadron). Di Bandar Penggaram, Johor, terdapat kelompok komuniti Cina yang suka duduk berkumpul di kedai makan dalam situasi yang tidak menghormati adat dan budaya masyarakat tempatan. Di samping itu, mereka juga dikatakan membawa budaya berjudi dan minum arak (Burridge, 1951:166). Terdapat juga orang Cina di Batu Pahat yang berkahwin dengan orang Melayu dan menjadi Muslim. Orang Melayu juga sering kali mengambil anak-anak orang Cina untuk dijadikan anak angkat serta turut diislamkan. Namun orang Melayu tidak boleh mengahwini gadis Cina (Wawancara dengan Tuan Haji Ali Badron bin Haji Sabor). Orang Cina juga sering kali suka melibatkan diri dalam hal yang berkaitan dengan adat istiadat orang Melayu (*Seruan Ra'ayat*, 1945:2). Hubungan antara kaum juga terjejas kerana orang Cina tidak mengambil kira kepekaan. Antaranya ialah menternak babi di kawasan perkampungan Melayu dengan tidak mengira kepekaan agama lain. Senario sedemikian rupa berlaku di Kampung Sri Mendapat, Parit VII, Batu Pahat, Johor dan di Rungkup, Perak (DOLP. 101/45, 1).

Konflik perkauman juga berlaku disebabkan oleh salah faham amalan meratib orang-orang Melayu. Akibat rasa takut dan sifat perkauman yang sangat kuat, orang Cina sering kali menaruh prasangka terhadap segala kegiatan orang Melayu. Seheinggakan apabila orang Islam berkumpul di rumah ibadat dengan bertahlil "*La illa ha il Allah*" mereka menyangka orang Melayu menyeru "*Lai la*" (marilah) (*Seruan Ra'ayat*: 1945:2). Mereka juga mengatakan bahawa orang Melayu menyeru hantu atau semangat orang yang mati dibunuh untuk datang membalas dendam. Hal yang demikian menyebabkan orang-orang Cina tidak boleh tinggal dalam keadaan

aman dan sentiasa risau pada waktu malam (Wawancara dengan Tuan Haji Ismail bin Kayat).

Rasa benci dan dendam ke atas etnik yang lain telah menyebabkan pelbagai cerita dan spekulasi dibuat bagi menimbulkan ketegangan. Antaranya ialah kejadian luar biasa yang berlaku pada waktu malam sehingga orang Cina hidup dalam ketakutan. Hal yang demikian berlaku di Setapak dan Ulu Gombak pada 18 Januari 1946. Sentimen ini juga menyebabkan beberapa orang peniaga Cina bersama keluarga mereka di Setapak dan Ulu Gombak berpindah ke tempat lain bagi menyelamatkan diri. Rasa takut dan propaganda yang melampau menyebabkan Briton (British) mengeluarkan arahan agar semua senjata yang dimiliki oleh orang Melayu diserahkan kepada pihak berkuasa British (*Seruan Ra'ayat*, 1946:2).

Kekejaman Komunis dan Kemandirian Orang Melayu

Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang terbaik bagi merekodkan dan melindungi maklumat penting yang berada dalam memori (pengetahuan tasit) setiap individu. Keterangan inilah yang akan membantu mengisi ruangan rekod-rekod sejarah negara yang masih lagi tidak lengkap sepenuhnya. Masih terdapat banyak lipatan sejarah negara yang masih belum terungkai kerana dokumen bertulis menjadi kekangan utama kepada proses ini. Namun demikian, kekuatan sumber lisan yang dimiliki oleh negara seharusnya dimanfaatkan dengan semaksimum mungkin (Mohamed Ali Haniffa, 2017: 52).

Negara kita Malaysia telah mengalami banyak rentetan sejarah bermula dari zaman pemerintahan tentera Jepun, komunis, British, Darurat hinggalah kemerdekaan. Kebanyakan cerita mengenai kezaliman komunis hanya direkodkan secara umum dan terkandung dalam bentuk sumber sekunder. Kesemua peristiwa hitam ini merupakan catatan sejarah yang amat berharga untuk dikaji pada zaman ini. Penggunaan sumber lisan dalam penulisan fakta sejarah merupakan suatu pendekatan baru di Malaysia. Banyak aspek mengenai kezaliman komunis dan kemandirian orang Melayu yang masih belum diteliti berdasarkan kepada sumber lisan. Ini adalah kerana sumber lisan mampu untuk merungkai emosi dan

keadaan berlakunya sesuatu peristiwa dengan lebih berkesan. Persepsi masyarakat yang menganggap pengalaman yang dilalui hanya perlu disimpan dan tidak boleh dikongsi dengan orang ramai perlu dikikis. Kisah mengenai kekejaman komunis hanya boleh diceritakan oleh individu yang pernah mengalami atau menjadi saksi mata. Namun kebanyakan individu yang melalui era ini berada di penghujung usia. Sumber lisan boleh menjadi pemangkin kepada sejarah kebangkitan bangsa Melayu. Ramai individu yang terlibat dalam peristiwa di atas dan input peribadi daripada mereka sebagai saksi mata amat penting bagi mengisi segala ruang kekosongan yang ditinggalkan oleh dokumen sedia ada (Nadzan Haron, 2012:85).

Penguasaan dan kezaliman komunis terhadap penduduk kampung khususnya telah menjadikan pergerakan orang Melayu terbatas. Oleh yang demikian, orang Melayu mula memikirkan strategi bagi mempertahankan kampung halaman dan survival bangsa mereka. Keadaan yang tidak selamat juga menyebabkan ulama dan pemimpin agama menjadi tempat pergantungan oleh penduduk setempat. Fatwa syahid yang telah dikeluarkan oleh ulama tempatan meningkatkan semangat perjuangan mereka (Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Bakri)

Berikutan pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu, komunis telah mula melakukan kezaliman. Pencabulan ke atas kesucian agama Islam juga menjadi faktor semerta meletus dan merebaknya konflik perkauman Melayu-Cina (Wawancara dengan Tuan Haji Jubir @ Amir bin Haji Abd. Talib). Masyarakat Melayu hilang kepercayaan terhadap komuniti Cina apabila komunis mula mengganggu urusan keagamaan di rumah ibadat khususnya ketika umat Islam sedang berpuasa. Peristiwa tersebut berlaku di Batu Pahat, Johor sebelum tentera Jepun menyerah kalah. Komunis melarang orang Melayu berkumpul di surau dan masjid untuk menunaikan ibadat serta berjemaah (Hairi, 1973/4;1974/5). Larangan dan sekatan berkenaan menjadikan orang Melayu semakin bersatu. Hal yang sama juga telah berlaku di Perak dan Batu Pahat. Gerila komunis menggunakan kesempatan membunuh orang Islam dengan menembak dan membakar masjid ketika mereka sedang bersembahyang (Wawancara dengan Tuan Haji Ali bin Haji Yusuf).

Gerila komunis bertindak zalim apabila ruang masjid digunakan sebagai tempat penyembelihan dan memasak babi serta orang Melayu dipaksa untuk menyertai mereka. Kawasan masjid di

Air Hitam, Muar pula digunakan bagi menyembelih babi. Ini menyebabkan masyarakat setempat terganggu daripada menjalankan ibadat harian. Di kawasan perkampungan Air Hitam orang Melayu yang disyaki sebagai tali barut tentera Jepun, dibunuh, dicincang dan dijadikan makanan babi (Wawancara dengan Tuan Haji Jaafar bin Kamari). Ramai orang Melayu yang ditangkap dan dibawa masuk ke dalam hutan serta nasib mereka tidak diketahui. Masjid juga dicemari, dan *al-Qur'an* dijadikan sebagai pengesat najis (*Mingguan Malaysia*, 2011:6).

Dalam situasi yang amat meruncing ini, agama Islam menjadi tenaga pendorong dan penguat kepada kesedaran serta perjuangan orang Melayu. Tarekat menjadi sebahagian daripada amalan masyarakat Melayu. Dua tarekat yang terkenal dan diamalkan oleh masyarakat Melayu ketika itu ialah Qadiriyyah dan Naqshbandiyyah (al-Attas, 1963:34). Antara inti pati ilmu yang dibawa dan diajar oleh guru tarekat ialah unsur-unsur kebatinan. Guru tarekat yang terkenal ketika itu ialah Shaykh Abdullah bin Mustafa di Kampung Parit Maimun, Mukim Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor. Ilmu tarekat juga terus tersebar luas dengan berlakunya penghijrahan ulama.

Dalam usaha mempertahankan kelangsungan kemandirian bangsa dan agama, unsur mempertahankan diri dalam masyarakat Melayu mula diberikan perhatian. Ilmu silat merupakan suatu seni mempertahankan diri yang disertai dengan beberapa amalan ilmu kebal ataupun batin. Ilmu kebal juga mendapat pengaruh dari Indonesia dan mula dilaporkan pada November 1945 di Negeri Sembilan. Sejak dari tempoh berkenaan, ilmu tersebut diperluaskan hingga ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Terdapat juga penggunaan ilmu halimunan yang telah dibawa oleh Tuan Guru Haji Abbas di Sungai Choh, Hulu Selangor (Wawancara dengan Tuan Haji Yahaya bin Haji Abbas). Kiai Salleh bin Abdul Karim pula dikatakan kerap datang ke Ulu Cheka, Jerantut, Pahang bagi membincangkan mengenai kemandirian orang Melayu bersama dengan Tok Pawang Nong bin Santan (Wawancara dengan Arif bin Nong). Kiai Salleh bin Abdul Karim juga adalah pengikut dan pengamal Tarekat Qadiriyyah yang diasaskan oleh Sheikh Abdul Qadir Jilani dan mengamalkan seni silat sendeng (Wawancara dengan Tuan Haji Yusof bin Salleh).

Pada September 1946, Syeikh Idris mula mengajar ilmu kebal dan mistik Melayu di daerah Kuala Kangsar, Perak. Menjelang bulan Julai 1947, konflik antara Melayu-Cina bertambah serius di sepanjang Sungai Perak. Orang Melayu menjadikan parang panjang sebagai senjata utama bagi mempertahankan nyawa mereka. Oleh yang demikian, mereka kebanyakannya bergantung kepada golongan agamawan dan pemimpin tempatan yang boleh mempertahankan kewujudan mereka. Penduduk tempatan ketika itu seringkali merujuk tempoh masa tersebut sebagai "Zaman Parang Panjang".

Konflik Perkauman Selepas Pendudukan Jepun dan Natijahnya

Kajian ini juga telah menggabungkan dua kaedah penyelidikan yang berbeza iaitu melalui penggunaan wawancara dan rekod-rekod bertulis. Dengan menggunakan kaedah ini, penyelidik bukan sahaja dapat menjaga kredibiliti sumber keterangan lisan yang digunakannya bahkan dapat menyumbang kepada usaha menyelamatkan sumber sejarah tersebut dari kehilangan (Nadzan Haron, 2012: 77).

Ketegangan hubungan di antara orang Melayu dan Cina telah berlaku berikutan pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Polarisasi perkauman menyebabkan timbulnya prasangka di antara orang Melayu dan Cina. Fahaman komunis yang tidak mempercayai Tuhan menyebabkan orang Melayu beralih arah dan tidak mahu terpengaruh dengan propaganda komunis. Kezaliman Bintang Tiga yang mengambil alih pemerintahan selama empat belas hari telah menjadi antara faktor kepada meletus dan merebaknya konflik perkauman selepas pendudukan Jepun (Wawancara dengan Tuan Haji Abas @ Abdul Latep bin Abdullah @ Ahmad).

Konflik perkauman Melayu dan Cina meletus di serata lokasi di Tanah Melayu. Antaranya ialah di Johor, Perak, Batu Kikir, Negeri Sembilan, Pahang dan lain-lain lokasi di Tanah Melayu. Berikutan penguasaan komunis di Tanah Melayu, orang Cina telah dipaksa untuk memberikan sokongan kepada perjuangan mereka bagi menubuhkan Republik Komunis Malaya. Polisi perkauman

Jepun yang telah melaga-lagakan orang Melayu dan Cina membawa kepada keretakan hubungan kaum. Orang Melayu yang dizalimi oleh komunis selepas pengunduran tentera Jepun bersatu dan mempertahankan kelangsungan hidup dan kemandirian bangsa. Agama Islam dijadikan sebagai pemersatu dan tunjang kekuatan. Justeru, gerakan *sabilillah* ialah anti-Cina dan anti-MPAJA. Gerakan ini bermatlamat mempertahankan agama Islam dan kewujudan orang Melayu akibat daripada pembunuhan kejam serta penyeksaan yang dilakukan ke atas mereka. Konflik perkauman Melayu-Cina di Johor bermula antara Mac hingga Ogos 1945 manakala di Ayer Hitam pada 20 Jun 1945 (Cheah, 1981:109). Kejadian kedua telah berlaku pada 21 Jun 1945 di Parit Kuman, Mukim Sungei Balang (SUKJ. 6203/1945, 13A). Sebelum pengunduran tentera Jepun pada bulan Mei 1945 berlaku pembunuhan ke atas Moain Saridin @ Shahidin dan Hassan Akasah iaitu Ketua Kampung, Kampung Sungai Dulang Darat, Rengit, Batu Pahat, Johor (*Utusan Malaysia*, 2009:5).

Konflik terakhir berlaku di Mukim Sri Menanti pada 22 Ogos 1945 (SUKJ. 6203/1945, 13A). Pada 20 Ogos 1945 seramai dua orang Cina dibunuh oleh orang Banjar di Batu 14, Sri-Menanti, Jalan Parit Jawa Muar (RCJ. 241/46, 123). Dato' Sheikh Abdullah bin Yahya telah diculik oleh komunis dan beliau telah dcederakan pada 2 September 1945. Beliau meninggal dunia akibat dari kecederaan parah pada 5 September 1945 (RCJ. 241/46, 167). Ja'afar bin Abu Bakar dan Daeman bin Arshad dibunuh oleh tentera Bintang Tiga pada 24 September 1945 di Sanglang (RCJ. 241/46, 81A). Manakala Sikam bin Gempal telah dibunuh oleh gerila Bintang Tiga di Parit Lintang, Pontian (RCJ. 241/46, T.T). Hubungan Melayu-Cina di Segamat mulai renggang dan terdapat beberapa kejadian pertumpahan darah (SUKJ. 6112/1945, 90). Kekacauan juga telah berlaku pada malam 9 Februari 1946 bersamaan hari Sabtu dan pada tengahari Ahad 10 Februari 1946 di Bukit Gambir dan Parit Samsu, Johor (SUKJ. 6203/1945, 47). Pergaduhan kecil juga sering kali berlaku di beberapa lokasi yang didiami oleh orang Melayu dan Cina seperti di Pengerang (RCJ. 65/46, 54).

Pada 10 Jun 1945, *Malayan People Anti Japanese Army* (MPAJA) telah membunuh Pegawai Daerah Batu Pahat, Ismail Abdullah, Tuan Haji Hasbullah (Kadi Batu Pahat), dan

Dr. Woodhull (Pegawai Perubatan Batu Pahat) ketika berunding dengan MPAJA di Benut, Johor. Berikutan daripada keganasan komunis ke atas orang Melayu, Kumpulan Selempang Merah dibentuk oleh Kiai Salleh bin Abdul Karim di Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor. Beliau menggabungkan penduduk Melayu yang terdiri daripada dua suku kaum yang berlainan, iaitu Jawa dan Banjar (Wawancara dengan Tuan Haji Ali bin Haji Yusuf). Senjata yang digunakan berupa parang panjang, lembing, keris, pedang dan tombak. Pergaduhan kaum yang telah bermula di Simpang Kiri, Batu Pahat telah merebak hampir ke seluruh mukim di Batu Pahat. Di Kampung Batu Pahat sebanyak 60 buah keluarga Cina berpindah meninggalkan harta benda apabila sekumpulan orang Melayu dan Jawa mencari mereka dengan bersenjatakan parang (CO 537/1580, 3). Beberapa kejadian juga dilaporkan di Benut dan Rengit. Perjuangan Kiai Salleh mempertahankan kemandirian bangsa Melayu tidak terhenti setakat di Simpang Kiri, Mukim IV sahaja malah hampir di seluruh daerah Batu Pahat (Wawancara dengan Tuan Haji Ali bin Haji Yusuf).

Pergaduhan kaum di Johor merebak ke Sungai Manik, Perak. Konflik tersebut berlaku di antara 15 Ogos 1945 sehingga 15 September 1945 (*Seruan Ra'ayat*, 1945:1). Isu sensitif sengaja disebarkan dengan harapan akan berlaku pergaduhan sesama mereka. Komunis juga telah mula menjalankan propaganda bagi merekrut ahli-ahli baharu. Oleh yang demikian, orang Melayu berada dalam keadaan ketakutan. Senario keperitan hidup ketika zaman pendudukan Jepun dan komunis digambarkan dengan kenyataan, "Bila siang Jepun cari, bila malam pula Bintang Tiga cari" (Wawancara dengan Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohamad Said). Dalam situasi cemas itu, penduduk kampung mencari golongan ulama yang boleh mengajar mereka ilmu kebal atau ilmu tidak lut senjata. Antara ulama yang menjadi tumpuan di Sungai Manik ketika itu ialah Tuan Haji Amir Hussin, Tuan Haji Yusof, Tuan Haji Marzuki, Tuan Haji Dahlan, Tuan Haji Mat Samad, Tuan Haji Anuar dan Tuan Haji Masmuda (Wawancara dengan Tuan Haji Hanapiah bin Haji Salleh). Tuan Haji Imam Bakri bin Haji Mohd Saman bertindak sebagai Tuan Guru atau pakar rujuk (Wawancara dengan Tuan Haji Zakaria bin Awang). Beliau diberikan tugas sebagai khalifah parang panjang kerana tahap ilmu yang tinggi.

Manakala Tuan Haji Shukor bertindak sebagai Naib Khalifah (Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Bakri).

Pengumuman Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945, jatuh pada bulan Ramadhan. Ini menyebabkan MPAJA dan *Malayan People Anti Japanese Union* (MPAJU) semakin berani mengisytiharkan kuasa mereka. Komunis mula menghukum penduduk-penduduk kampung khususnya orang Melayu. Ramai di antara mereka yang diikat kaki dan tangan serta dimasukkan ke dalam guni lalu dicampakkan ke dalam laut hidup-hidup. Kezaliman komunis menyebabkan beberapa orang pemuda kampung berjumpa dengan Imam Haji Bakri bin Haji Mohd Saman di Parit 8 B Sungai Manik bagi membincangkan mengenai keselamatan penduduk kampung. Tuan Haji Imam Bakri bin Haji Mohd Saman mengisytiharkan perang jihad melawan komunis yang mempersendakan agama dan nyawa orang Islam. Kumpulan pemuda kampung diberikan pesanan oleh Tuan Guru Imam Haji Bakri bin Haji Mohd Saman seperti berikut :

“Perjuangan ini adalah syahid. Qada dan Qadar telah ditetapkan oleh Allah S.W.T.. Kalau ditakdirkan mati dibunuh, maka akan matilah dibunuh. Sentiasa amalkan kalimah *La hi la ha hillallah* dan ayat empat.”

Orang Melayu ketika itu hanya bersenjatakan parang panjang, keris dan pisau. Konflik perkauman yang mula merebak menyebabkan orang Cina yang tinggal di Kampung Koh, Sitiawan, Ipoh, Kampar, Langkap dan Chucap datang memberikan bantuan kepada penduduk Cina yang masih menetap di Sungai Manik. Boleh dikatakan hampir setiap hari akan berlaku pergaduhan kecil yang melibatkan orang Melayu dengan komunis (Wawancara dengan Tuan Haji Baharuddin bin Haji Salleh).

Pergaduhan Melayu-Cina di Sungai Manik terus merebak ke merata tempat lain di negeri Perak sehinggakan petempatan tradisional Melayu seperti Kampung Bekor turut menjadi mangsa kekejaman komunis. Sekolah Melayu Bekor dijadikan markas komunis. Penduduk Kampung Bekor dipaksa untuk mendengar ceramah dan propaganda komunis (Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari). Paksaan oleh komunis menyebabkan orang

Melayu tidak mahu memberikan sokongan. Ini kerana ideologi komunis yang tidak mengakui kewujudan tuhan dan bertujuan menubuhkan Republik Komunis Malaya adalah bertentangan dengan corak perjuangan orang Melayu (*Majlis*, 1947:2).

Penglibatan beberapa orang ulama tempatan seperti Tuan Haji Salleh bin Abdul Manan, Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Manan dan Tuan Haji Shahbudin bin Lebai Sulaiman Bakul berjaya menyatukan orang Melayu di Kampung Bekor. Terdapat juga penglibatan guru agama dari Bagan Serai seperti Tuan Syeikh Osman (Wawancara dengan Abdul Rahman bin Uda Mohamad). Keadaan yang mencemaskan di Bekor akibat tekanan komunis menyebabkan wakil orang Melayu mengemukakan tiga tuntutan kepada orang Cina. Namun tuntutan dan perbincangan yang dilakukan ternyata gagal (*Seruan Ra'ayat*, 1946:1)

Keengganan orang Melayu memberikan sokongan menyebabkan Kampong Bekor diserang oleh komunis pada 5 Mac 1946, iaitu pada hari Selasa jam 10.00 pagi. Serangan kali pertama ini berjaya ditewaskan oleh penduduk kampung (Wawancara dengan Ibrahim bin Uda Mohd). Pada pagi hari Rabu 6 Mac 1946, antara jam 5.00 hingga 5.30 pagi telah berlaku serangan kali yang kedua ketika kebanyakan penduduk kampung masih sedang tidur (WO 172/9773, 281). Keadaan kawasan perkampungan yang terkepung telah menyebabkan ramai kanak-kanak dan wanita yang sedang tidur menjadi mangsa (*Utusan Melayu*, 1946:4). Taktik serangan komunis dengan membunyikan beduk di masjid menyebabkan penduduk kampung berada dalam keadaan kelam-kabut khususnya ketika memberikan bantuan kepada yang lain (Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Aziz bin Shaari).

Peristiwa serangan komunis pada 6 Mac 1946 meninggalkan kesan yang mendalam khususnya kepada penduduk Melayu di Kampung Bekor. Seramai 80 orang Melayu termasuk kanak-kanak dianggarkan dibunuh dalam serangan selama hampir dua jam ini. Bilangan penduduk yang paling ramai menemui ajal ialah mereka yang sedang bersolat subuh di Masjid Kampung Bekor. Manakala dalam laporan Briton (British) pula menyatakan hanya seramai 70 orang Melayu dibunuh di Masjid Bekor (Bikaw) (CO 537/1580, 8).

Kekacauan dan pembunuhan ke atas orang Melayu oleh komunis terus berlarutan hampir di serata lokasi Tanah Melayu. Pada 19 September 1945 berlaku pembunuhan ke atas orang Melayu

di Kota Bharu (Kelantan), 26 September 1945 di Alor Gajah (Melaka), di Selangor, (WO 203/5642, 1), Selama, Taiping, Parit, Sitiawan (Perak) dan Terengganu (CO 537/1580, 20). Dalam kejadian di Sitiawan, seramai tujuh orang Cina terbunuh, dua cedera dan beberapa buah rumah dibakar. Pada hari berikutnya komunis membunuh dan mencederakan beberapa orang penduduk kampung (CO 537/5985, 6). Pada 6 November 1945, dalam satu serangan balas, sekumpulan orang Melayu seramai 300 hingga 400 orang menyerang orang Cina di Padang Lebar, Kuala Pilah (Wawancara dengan Tuan Haji Hassan Basri bin Haji Shariff). Dalam kejadian tersebut, seramai 40 orang Cina yang kebanyakannya terdiri dari wanita dan kanak-kanak telah dibunuh (CO 537/1580, 11). Pergaduhan Melayu-Cina yang merebak ke Pahang juga menyebabkan amalan ilmu kebal dan selempang merah yang dikaitkan dengan Islam disebar oleh golongan agamawan. Amalan ini dibawa dan diamalkan di Batu Malim, Raub, Pahang oleh Abu Jamal bin Yop Pilus (Wawancara dengan Tuan Haji Abd. Aziz bin Mohd Tasin). Pada 11 Februari 1946, telah berlaku kekacauan di kawasan pasar yang melibatkan seramai 200 orang Melayu dan 150 orang Cina di Batu Malim, Raub, Pahang (Wawancara dengan Rohani binti Ahmad). Kejadian tersebut telah menyebabkan seramai 30 orang Cina terkorban termasuk 10 orang kanak-kanak Cina dan dua orang Melayu. Manakala seramai 16 orang Cina dan 10 orang Melayu mengalami kecederaan (CO 537/1580, 8).

Konflik perkauman Melayu-Cina sebelum, semasa dan selepas pemerintahan Jepun berlanjutan sehingga ke tahun 1950-an. Terdapat banyak kejadian yang melibatkan pembunuhan dan serangan yang melibatkan individu serta di kawasan kampung. Ancaman dan kezaliman komunis terus berlarutan di serata lokasi di Tanah Melayu sehinggakan pihak Briton (British) terpaksa mewujudkan Jawatankuasa Keharmonian Kaum bagi menangani konflik ini dari terus merebak. Sejarah membuktikan bahawa sehingga 13 Mei 1969 terdapat sekurang-kurangnya 21 peristiwa pergaduhan kecil dan besar yang melibatkan Melayu-Cina. Pergaduhan Melayu-Cina telah menyedarkan Briton (British), sultan dan pemimpin masyarakat mengenai kepentingan diwujudkan perdamaian.

Oleh yang demikian, Briton (British) mula merangka pelan pemulihan sekembalinya mereka ke Tanah Melayu. Langkah segera yang dilakukan ialah dengan pengasasan *British Military Administration* (BMA). Agenda memulihkan kembali keharmonian kaum menjadi keutamaan Briton (British) kerana keadaan yang aman dan selamat diperlukan bagi memulihkan ekonomi selepas perang. Oleh yang demikian, perancangan untuk mewujudkan hubungan baik di antara kaum dengan memupuk kerjasama di kalangan penduduk berbilang kaum di Tanah Melayu mula diberikan perhatian. Proses memulihkan keharmonian kaum juga dilaksanakan dengan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Cina yang menjadi sebuah badan pelindung dan penasihat kepada semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal orang Cina.

Kekejaman komunis yang melakukan pembunuhan ke atas orang Melayu menyebabkan mereka mengumpulkan kekuatan secara berjemaah dan menghadapi serangan serta kekejaman. Agama Islam dijadikan sebagai sumber kekuatan bagi mempertahankan nyawa dan kelangsungan hidup. Penentangan terhadap keganasan komunis merupakan jihad ke jalan Allah. Biarpun pada mata kasar kelihatan seperti orang Melayu membunuh komunis, namun penyokong-penyokongnya yang terdiri daripada orang Melayu juga turut menerima padahnya. Peristiwa ini juga turut memberikan pengajaran mengenai kegagalan penjajah membina formula keharmonian kaum. Pelaku dan saksimata peristiwa yang telah berlaku ini kebanyakannya tiada lagi. Kebanyakan informan yang ditemui mampu menuturkan secara terperinci, khususnya generasi keturunan mereka yang terkorban. Maklumat yang terperinci ini juga telah diperolehi melalui keterangan kata dengar. Ini bermakna cerita atau perkara yang diketahui daripada apa yang didengar daripada pelaku, saksi mata atau daripada orang lain (Nadzan Haron, 2012:29).

Kesimpulan

Sejarah lisan telah memberikan penemuan baru terutamanya dalam pembentukan sosiobudaya masyarakat Melayu daripada pelbagai

aspek seperti agama, budaya, ekonomi dan juga kebangkitan para tokoh. Terdapat ramai tokoh-tokoh tempatan yang telah berperanan penting dalam menyuntik semangat perjuangan mempertahankan tanahair ketika negara berada di ambang pemerintahan Jepun dan komunis. Mereka dianggap sebagai wira yang tidak didendang dan sering dilupakan dalam penulisan sejarah. Di samping itu, terdapat ramai saksi mata yang mengalami dan melalui tempoh masa peralihan ini. Cerita mengenai konflik perkauman selepas pendudukan Jepun dan kezaliman komunis merupakan kisah yang sering kali dilupakan oleh masyarakat kini. Sifat sejarah yang hidup menyebabkan banyak saksi mata yang ditemukan apabila penyelidikan lanjutan dilaksanakan. Banyak kisah yang terpendam selama ini boleh diangkat kembali menjadi sebahagian daripada warisan sejarah.

Kajian yang dilaksanakan juga telah memberikan persepsi yang betul mengenai orang Melayu yang telah menjadi mangsa kekejaman tentera Jepun dan komunis. Fakta ini sering kali disalah tafsir dalam penulisan sejarah yang menyatakan bahawa orang Melayu merupakan komuniti yang tidak terjejas berikutan tempoh peralihan kuasa di Tanah Melayu. Kajian juga berjaya mengesan golongan biasa dan tokoh tempatan yang telah berjasa dalam menyatukan orang Melayu, ketika Tanah Melayu dijajah. Sumbangan mereka hanya berjaya dikesan melalui kaedah penyelidikan lisan yang telah dilaksanakan. Mereka telah memberikan kesedaran kepada orang Melayu dalam mempertahankan nyawa dan kelangsungan bangsa walaupun nama-nama mereka tidak direkodkan dalam dokumen bertulis.

Rujukan

- (1945-1946). *Seruan Ra'ayat*
(1946, 12 Mac). *Utusan Melayu*
(1947, 17 Februari). *Majlis*
(2009, 28 Mei). *Utusan Malaysia*
(2010, 1 Jun). *Berita Harian*
(2011, 4 September). *Mingguan Malaysia*
101/45: Penghulus Conference-26.11.45-22.12.47.

- 229/1947 (1-2), Asst. Penghulu Sega, Raub, Mukim of Sega kepada Yang Mulia Tengku Nasruddin A.D.C. to H.H. Pahang, 17th September 1947.
- 229/1947, A.D.C. Menyembahkan Nama-nama Orang Yang Kena Seksa oleh Jepun Kerana Menolong Tuan D. Headly, 17/9/1947.
- 241/46, Ulu Tiram Massacre And Exhumation of Dead Bodies, 30.4.46-12.11.47.
- 6112/1945: Departmental Reports & Correspondence, Police, Prisons & Fire Brigade, 15.9.45-17.9.45.
- 6203/1945, Outstation Reports And Correspondence Muar, 19.9.45-27.11.45.
- 65/46, Weekly Situation Report, 10.4.46-8.2.48.
- Al-Attas, S.M.N. 1963. *Some Aspects of Sufism as Understood And Practised Among The Malays*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd.
- Burridge, K., O.L. 1951. "Racial Relations in Johore." *Australian Journal of Politics and History*, Vol. II, No. 2.
- Cheah B.K., 1981. "Sino Malay Conflicts in Malaya, 1945-1946: Communist Vendetta and Islamic Resistance." *Journal of Southeast Asian History*, Volume 12, No. 1. 1983.
- Cheah B.K., 1983. *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*, Singapore: Singapore University Press.
- CO 273/675/7 (23), Note Of Sir Cecil Clementi's Views On The, Malayan Political Situation.
- CO 273/675/7: Future Policy In Malaya-Malaya-Government And Rehabilitation.
- CO 537/1548 (195-196), Sultan Abdul Aziz kepada Brigedier Newbould, 20 February 1946.
- CO 537/1548: Policy: Malaya: Malay Attitude-1946.
- CO 537/1580 (11), H. Ralph Hone, Headquarters, British Military Administration, Malaya, Kuala Lumpur kepada Consul-General, Consulate-General of The Republic of China, Singapore.
- CO 537/1580 (20), Inward Telegram From Headquarters, B.M.A. (M), To 3, Of S., Colonies, 7th March 1946.
- CO 537/1580 (3), Alfsea kepada The War Office, 4 Sep. 46.
- CO 537/1580 (8), Extract From Official Report.
- CO 537/1580, Growth Of The Inter-Racial Feeling In Malaya.
- CO 537/3757 (27-28), Political Developments Chinese Affairs.

- CO 537/3757, Malaya: Chinese Affairs and Correspondence With Mr. H.T. Pagden-1948.
- CO 537/5985 (6), Extract From P.M.R. 1 Secret Part I, Political Intelligence Review, 5th January, 1949.
- CO 537/5985: Law & Order Sino-Malay Relations.
- DOLP. 101/45 (1)), Meshuarat Penghulu2 di-Pejabat Jajahan Teluk Anson, Pada 5.2.46 Pukul 10 Pagi.
- Fajar Asia, No. 5, 13 Shigatsu 2603.
- Hairi A., 1973/4, 1974/5. “Kebangkitan Dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat.” JEBAT, Bil., 3/4..
- Mohamed Ali Haniffa, Januari 2017, Keterangan Lisan Sebagai Sumber Historiografi, *Dewan Budaya*.
- Nadzan Haron, 2012. *Panduan Penyelidikan & Pendokumentasian Sejarah Lisan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia Kuala Lumpur.
- Nazri A.b.A., 1985. *Melayu Dan Tanah*, Kuala Lumpur: Media Intelek Sdn. Bhd.
- Obaidellah b. H.M., Kesultanan Melaka: Dari Bahan Sejarah China Melihat Aspek Ekonomi, dlm. *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008
- RCJ. 241/46 (123), Soh Chiow Yew kepada The Resident Commissioner, Johore Bahru, 8 April 1947.
- RCJ. 241/46 (167), Sheikh Mohamed Taufek kepada The Hon’ble The Resident Commissioner, Johore, 8 Julai 1947.
- RCJ. 241/46 (81A), Penghulu Abu Bakar bin Ja’afar, Kayu Ara Pasong kepada The District Officer, Pontian, 9 Julai 1947.
- RCJ. 241/46 (T.T), Hj. Rashid bin Hj. Nasir kepada The District Officer, Pontian, 20 September 1947.
- RCJ. 65/46 (54), Telegram Dari Resident Commissioner Johore kepada Chief Secretary Malayan Union Kuala Lumpur.
- Siti Rodziyah N., 2009. *Akhbar Saudara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- SUKJ. 6112/1945 (90), Political Report for Week 23-29.1.46, 30.1.46.
- SUKJ. 6203/1945 (13A), Chinese Relief Committee, Muar Kepada The Officer i/n Chinese Affairs, BMA Singapore, 12 November 1945.

Konflik Kaum Selepas Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu

- SUKJ. 6203/1945 (47), Major G.W.D. Johnson, I.A.O.C, Civil Affairs Officer, BMA (M), Muar kepada SCAO Region 6, H.Q. BMA (M) Johore Bahru, 12 Februari 1946.
- Wan Hussein @ Azmi b. Haji Wan Abdul Kadir., Kesultanan Melaka: Perhubungan Antarabangsa, dlm. *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008.
- WO 172/9773 (281), SECRET, War Diary Of, H.Q. Malaya Command, 1946, Message Form From Hq Malaya Command To SACSEA , ALFSEA, DTO0 07.
- WO 203/5642(1), Political Climate-Interview By British Authority Admin With Sultans, Aug/Dec. 45.
- Zahari A. Rashid, 2008. *Kenang-kenangan Abdullah Munsyi*. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Zainal Abidin b. A.W., 2008. Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa, *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.